

Isu kanak-kanak teranca

u-m 6/8/07 MS 3



am jadi fokus

LANGKAWI 5 Ogos – Dialog Wanita Pertama yang berlangsung sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) Kelapan hari ini akan menyaksikan hasil perbincangannya mengenai nasib kanak-kanak yang terancam dibawa ke peringkat Jawatankuasa Utama buat pertama kali.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang merupakan sekretariat dialog itu berkata, cadangan-cadangan yang bakal diketengahkan meliputi aspek pendidikan, kesihatan, pendidikan awal HIV/AIDS dan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU).

“Kalau sekadar dialog antara kita (Wanita Pertama) sahaja dan ketua kerajaan tak tahu apa, itu tidak begitu bermanfaat. Kali ini kita bawa isu-isu itu sebagai satu blok supaya ketua kerajaan mengambil kira.

“Wanita-wanita Pertama mempunyai pengaruh dalam bidang masing-masing dan sumbangan positif mereka tidak harus diambil mudah.

“Kami sedang mengemas kini butiran perbincangan dan setelah diluluskan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, ia akan dibawa ke Jawatankuasa Utama Selasa ini,” kata Shahrizat kepada pemberita ketika ditemui di sini hari ini.

Dialog Wanita Pertama yang berlangsung pada hari pertama LID turut dihadiri Permaisuri La Magongo dari Swaziland dan isteri Perdana Menteri Lesotho, Mathato Mosisili.

Shahrizat berkata, beliau tidak pasti

apa yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Utama berhubung cadangan wanita pertama, yang penting memastikan resolusi mereka dibawa ke perhatian ketua-ketua kerjaan melalui cara formal.

Jelas beliau, perbincangan di bawah dialog itu berjalan lancar dengan lontaran idea-idea dan pendapat yang bernas daripada semua peserta.

“Mereka menyatakan bahawa isu-isu yang dibangkitkan berhubung ancaman ke atas kanak-kanak, sama ada di Malaysia atau mana-mana negara lain, adalah trend dunia.

Penderaan

“Misalnya, dalam isu penderaan kanak-kanak, di benua Afrika pun berlaku tapi mungkin angkanya lebih besar.

“Trend ini amat membimbangkan dan kerajaan mesti mengambil tindakan untuk membanterasnya,” kata Shahrizat.

Dari segi anak yatim pula, katanya, negara-negara Afrika lebih cenderung untuk memasukkan mereka di dalam komuniti berbanding menempatkan di institusi kerana mengambil anak angkat merupakan satu budaya mereka.

Isteri-isteri ketua-ketua kerajaan, kata Shahrizat, telah menyatakan bahawa mereka akan menentukan pengaruh yang mereka ada akan dibawa ke negara masing-masing untuk menentukan hak kanak-kanak di negara masing-masing akan terpelihara serta mendapat perhatian.

JEANNE Abdullah (kanan) mengiringi Permaisuri Swaziland, La Magongo (tengah) dan Mathato Mosisili (isteri Perdana Menteri Lesotho) ke majlis jamuan tengah hari sempena Dialog Antarabangsa Langkawi, semalam.